

## REPETITION IN HADIS: FOCUS ON THE HADITH "INNAMA AL-A'MAL BINNIYAT..."

## REPETISI DALAM HADIS : TUMPUAN TERHADAP HADIS "INNAMA AL-A'MAL BINNIYAT..."

<sup>1</sup>Norillah Abdullah Hassim & <sup>2</sup>Abu Dzar Ahmad

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa Arab,Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

<sup>2</sup> Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

### Abstract

*This study analyzes the aspect of repetition of the hadith text "innama al-A'mal binniyat ..." from the collection of hadiths of al-Arbain al-Nawawiyah. It is aims to identify the type and function of repetition in the hadith "innama al-A'mal binniyat ...". This study uses a qualitative approach with a textual analysis design. Research data were obtained from the texts of books, journals, articles, dissertations, thesis and other scholarly papers. The results showed that this hadith contains three types of repetition; word repetition, phrase repetition and meaning repetition which are intended as an affirmation, showing priority, warning and as a strategy to remember the essence of the hadith. It is hoped that a study of repetition or similar phenomena can be done on all the hadiths of al-Arba'in al-Nawawiah. It is also recommended that quantitative studies can be carried out on the hadith of this arba'un method. Aspects of teaching and leraning may also be a useful finding.*

**Keywords:** Repetition, al-takrar, hadis, al-Arba'in al-Nawawiah, innama al-a'mal binniyat.

### Abstrak

Kajian ini menganalisis aspek repetisi terhadap teks hadis "innama al-A'mal binniyat...". daripada himpunan hadis al-Arbain al-Nawawiyah. Analisis ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis dan fungsi repetisi dalam hadis "innama al-A'mal binniyat...". Pendekatan kajian yang digunakan adalah penyelidikan kualitatif deskriptif dengan reka bentuk analisis tekstual. Data kajian diperolehi daripada teks buku, jurnal, artikel, disertasi, tesis dan karya-karya ilmiah yang lain. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa hadis ini mengandungi tiga jenis repetisi iaitu repetisi kata, repetisi frasa dan repetisi makna yang bertujuan sebagai penegasan, menunjukkan keutamaan, amaran dan sebagai strategi untuk mengingat matan hadis. Diharapkan supaya kajian tentang repetisi atau fenomena yang seumpamanya dapat dilakukan terhadap semua hadis al-Arba'in al-Nawawiah.

### Penulis Utama:

Norillah Abdullah Hassim

Jabatan Bahasa Arab

Fakulti Pengajian Islam

Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah

### E-mel:

[norillah@kuipsas.edu.my](mailto:norillah@kuipsas.edu.my)

Disarankan juga agar kajian-kajian berbentuk kuantitatif dapat dilaksanakan terhadap hadis kaedah arba'un ini. Aspek-aspek PdP juga mungkin boleh menjadi hasil dapatan yang bermanfaat jika dikaji.

**Kata Kunci:** repetisi, pengulangan, hadis, al-Arba'in al-Nawawiah, innama al-a'mal binniyat.

## PENGENALAN

Hadis Nabi SAW merupakan sumber tauhid dan syariat agama Islam. Al-Quran juga merupakan wahyu dan *kalamullah* yang menjadi paksi kepada agama Islam namun peranan hadis Nabi SAW sebenarnya adalah sama pentingnya kerana adanya interaksi Rasullah SAW sebagai *mubayyin* (pemberi penjelasan) terhadap ayat-ayat al-Quran dalam rangka Rasulullah SAW sebagai penyampai risalah dan sebagai tempat rujuk dan solusi sahabat dan umatnya dalam pelbagai aspek kehidupan (Leni Andariati 2020).

Sehingga kini kelangsungan usaha dalam menyampaikan hadis Rasulullah SAW tetap diteruskan samada oleh individu maupun institusi pengajian dan bukan pengajian malah ilmu hadis turut dijadikan silibus dan program pengajian khusus. Pengajian hadis juga turut dilaksanakan di masjid dan surau sebagai pengajian tidak formal bagi masyarakat umum mempelajari, memahami serta meningkatkan kefahaman tentang hadis (Mohd Azrin Johari, 2016)

Salah satu hadis yang sangat terkenal dan tidak asing bagi khalayak umum ialah hadis tentang niat yang diriwayatkan oleh hampir semua periwayat hadis (Ayep Rosidi, 2017). Hadis ini menjelaskan tentang agama Islam yang mengutamakan niat sebagai tunjang dalam setiap urusan dan sebagai titik punca bagi setiap perkara (Nurul Syahadah Mohamad Riza 2019).

Mardiana Mat Ishak (2017), dalam kajiannya telah mengkategorikan hadis *innama al-A'mal binniyat...* dalam kelompok hadis-hadis akidah yang menjelaskan tentang prinsip-prinsip tauhid yang mana hadis *innama al-A'mal binniyat* ini mengungguli hadis-hadis yang lain dalam kelompoknya.

## PERNYATAAN MASALAH

Repetisi merupakan pengulangan berupa bunyi, suku kata, atau kalimat yang bertujuan untuk memberikan penekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. Repetisi juga terdapat pada kosa kata, frasa, klausa dan kalimat sebagai penegasan dalam suatu wacana. Walau bagaimanapun, tidak semua orang dapat memahaminya baik secara leksikal maupun secara gramatikal (Nurul Azizah Putri Palupi et al, 2019).

Sebahagian sarjana dalam bidang ilmu al-Quran tidak menerima fenomena repetisi sebagai laras bahasa yang *fushah* kerana berpendapat bahawa repetisi tidak memberi makna dan tujuan yang tertentu malah sebahagian orientalis seperti John Wansbrough menganggap bahawa repetisi merupakan salah satu fenomena linguistik yang menjadikan al-Quran tidak bersifat sistematik (Cucu Nurhayati, 2020).

Walau bagaimanapun, Ayub Berdan (2020) dan Umaimah Badruddin (2020) dalam kajian mereka berkaitan repetisi dalam al-Quran membuktikan bahawa repetisi mempunyai fungsi, makna dan tujuannya yang tertentu yang mampu menjelaskan makna ayat dengan lebih mendalam dan terperinci.

Toni Pransiska (2018) juga telah membuat kajian terhadap laras bahasa repetisi dalam hadis dan menyimpulkan bahawa pengulangan lisan mempunyai fungsi untuk menekankan makna, memberi peringatan serta ancaman.

Ahmadi (2011) juga terdahulu telah menegaskan bahawa Nabi SAW tidak mungkin mengungkapkan pengulangan kata-kata tanpa alasan kerana mengulanginya tanpa alasan

merupakan suatu amalan yang sia-sia yang tidak relevan dengan sifat Nabi SAW sebagai penyampai risalah Allah.

Justeru, melalui analisis tekstual yang dilaksanakan terhadap hadis “*innama al-A’mal binniyat...*” ini, penyelidik berharap dapat meneruskan kajian tentang fungsi repetisi dalam hadis. Kajian ini juga diharapkan dapat menonjolkan *i’jaz nabawiy* Nabi SAW melalui fenomena repetisi sebagai kriteria pengucapan Baginda.

## **KAJIAN LEPAS**

Banyak kajian tentang hadis yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara namun antaranya ialah Asvia Suraida (2020) yang dalam kajiannya menyatakan bahawa perlunya melakukan penyelidikan semula dengan dimensi penyelidikan yang berbeza dengan tujuan untuk memberikan khazanah ilmiah tambahan.

Seiring dengan pandangan yang dikemukakan, Rosni Wazir (2020) turut menyarankan agar karya-karya hadis *arbain* didedahkan kepada khalayak melalui seminar, simposium dan kolokium di institut-institut pengajian tinggi. Nurul Azizah Putri Palupi et al (2019) pula daripada data-data kajian-kajian mereka, mencadangkan supaya dilakukan kajian lebih lanjut tentang repetisi atau fenomena serupa yang mungkin ada dalam teks Arab lain.

Alief Luthfian Akbar (2018) turut menyarankan bahawa perlunya kajian semula terhadap karya-karya ulama terdahulu terutama dalam bidang hadis serta perlunya pengembangan kajian lanjutan terhadap syarah hadis.

Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa adanya kelompongan-kelompongan yang masih belum terisi sama ada terhadap teks hadis itu sendiri, dimensi penyelidikan terhadap hadis serta kajian berkaitan repetisi yang menjadi fokus kepada kajian ini.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mencari jawapan kepada dua persoalan utama iaitu tentang jenis repetisi yang ada dalam teks hadis *innama al-A’mal binniyat* dan fungsi dan maknanya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara ringkas, kajian ini diharapkan akan mencapai objektif seperti berikut iaitu: i- mengenal pasti repetisi dalam hadis *inna al-A’mal binniyat...*, dan ii- mengenalpasti fungsi repetisi dalam hadis *innama al-A’mal binniyat...*

## **METODOLOGI**

Pendekatan kajian yang digunakan adalah penyelidikan kualitatif deskriptif dengan reka bentuk analisis tekstual. Analisis tekstual ialah analisis yang dilakukan ke atas sesebuah teks yang bertujuan untuk memahami teks tersebut berdasarkan zahir teks dan merupakan salah satu teknik yang sistematik yang menekankan penggunaan bahasa (Rahimah Embong et al, 2018). Kajian ini menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan data. Data kajian merupakan data kajian korpus daripada teks seperti buku, jurnal, artikel, disertasi, tesis dan karya-karya ilmiah yang lain, kerana korpus juga melibatkan penggunaan data daripada teks bertulis (Khazri Osman et al, 2020). Proses analisis tekstual ini melibatkan hadis pertama dalam *Syarah al-Arba’in al-Nawawiah* yang menumpukan kepada aspek repetisi. Repetisi adalah pengulangan biasanya terjadi pada kata, frasa, dan klausa sebagai penegasan dalam suatu kalimat (Nurul Azizah Putri Palupi et al, 2019). Mohammad Luthfil Anshori (2015) pula dalam kajiannya menjelaskan bahawa repetisi berlaku kepada makna berserta dengan lafaz dan repetisi lafaz tanpa makna.

## LIMITASI KAJIAN

Fenomena pengulangan atau repetisi atau dalam bahasa Arabnya dipanggil *al-Takrir* (الْتَّكْرِيرُ) atau *al-Takrar* (الْتَّكْرَارُ) atau *al-Tikrar* (الْتِكْرَارُ). *Al-Takrar* adalah masdar bagi kata kerja *karrara* (كَرَرَ) yang kata akarnya ialah *karra* (كَرَّ), membawa maksud *raja'a* (رجَعَ) yang memberi makna kembali.

Repetisi ialah pengulangan yang biasanya berlaku dalam kata, frasa, dan klausa sebagai penegasan dalam ayat, baik secara keseluruhan dan juga sebahagian (Nurul Azizah Palipi et al 2019).

Repetisi juga adalah fenomena linguistik yang diketahui oleh orang Arab dari zaman dahulu sehingga ke hari ini malah merupakan salah satu cara penyampaian atau lebih khususnya cara untuk menjelaskan maksud yang dikehendaki. Oleh kerana al-Quran dan hadis bercirikan gaya bahasa pengucapan Arab maka al-Quran dan hadis juga turut mengandungi fenomena repetisi (Aiyub Berdan, 2020).

Kajian ini mengambil hadis *inna al-A'mal binniyat*... daripada buku *Syarah al-Arbai'n al-Nawawiyyah Fi al-Ahadiq al-Nabawiyah* oleh Imam Ibn Daqiqi sebagai sampel analisis. Hadis ini merupakan hadis pertama dalam buku *al-Arba'in al-Nawawiyyah* karangan Imam Al-Nawawi yang menggunakan kaedah *al-Arba'un*. Kaedah *al-Arba'un* dalam penyusunan hadis ini dipelopori oleh Abdullah bin Mubarak al-Hanzali dengan menyusun hadis-hadis dalam bilangan empat puluh (Rosni Wazir, 2020).

Menurut Rosni Wazir (2020), hadis yang disusun mengikut kaedah *Al-Arba'un* merupakan satu kumpulan hadis yang senang diterima oleh khalayak pembaca kerana bilangannya yang sederhana, ringkas, senang untuk dihafaz dan sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran.

Terdapat juga faktor lain terhadap penyusunan hadis dengan kaedah ini iaitu ia dianalogikan kepada beberapa ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis yang dalam pelbagai tempat menyebutkan bilangan empat puluh secara khusus (Rudi Edwaldo Jasmit, 2015).

Antara buku yang disusun menggunakan kaedah ini ialah buku *al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang dikarang oleh imam al-Nawawi. Buku ini terdiri dari empat puluh dua hadis yang menerangkan tentang keutamaan amal, mengarahkan umat manusia untuk gemar beramal dan melakukan perbuatan-perbuatan yang direhdai Allah.

Semua hadisnya mengandungi prinsip-prinsip utama agama Islam. Jumhur ulama juga mengakui bahawa semua hadis-hadisnya bertaraf sahih dan kebanyakannya di diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim (Muhammad Khairol Jaza', 2019). Malahan, karya ini juga banyak diperbincangkan dalam kajian ilmiah serta menjadi material utama bahan pembelajaran malah inti patinya diamalkan di kebanyakan sekolah di Indonesia (Silvia Riskha Fabriar, 2020).

## FUNGSI REPETISI HADIS MENURUT DISIPLIN BAHASA

Linguistik atau bahasa mempunyai metodologi dan disiplin untuk menganalisis *matan* hadis dalam memahami makna dari sudut bahasa dan konteks. Menurut Rahimah Embong et al (2018), repetisi atau pengulangan merupakan aspek yang kedua dalam bentuk analisis tekstual iaitu aspek makna atau leksikal yang meliputi makna di sebalik sesuatu ungkapan.

Menurut Ahmadi (2011) pula kajian yang memfokuskan fenomena pengulangan dalam hadis baginda Nabi SAW difahamkan bertujuan sebagai penjelasan atau pemahaman. Walau bagaimanapun, alasan dan tujuan untuk memahamkan pendengar itu bukanlah dinilai dari jumlah pengulangan tetapi berdasarkan makna daripada pengulangan tersebut. Secara ringkasnya fenomena repetisi ini merupakan salah satu kriteria ucapan baginda Nabi SAW. Azami (2003) turut berpandangan bahawa repetisi yang dimaksudkan dalam al-Quran mahupun hadis baginda Nabi SAW dapat menghapuskan kekeliruan dan kekaburuan makna.

Hal ini disokong dengan pernyataan Muhammad bin Abdul Rahman al-Mubarafuri (2010) dalam kitab *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmidhi*. Beliau menyebut pengulangan ucapan atau kata-kata yang dilakukan baginda Nabi SAW dalam mana-mana kenyataan hadis diklasifikasikan sebagai penjelasan baginda terhadap kenyataan yang sukar difahami oleh para sahabat yang mendengarnya.

Oleh itu, hadis baginda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Umar bin al-Khattab RA ini sebenarnya bukan hanya mempunyai sejarah sanad hadis *Gharib* dalam susur jalur riwayat sehingga dikategorikan sebagai *mutawatir* (Al-Tahhan, 2004), malah *matannya* yang mempunyai fenomena repetisi juga perlu diketengahkan bertujuan untuk lebih memahami dan mendalami maknanya.

## PERBINCANGAN

### Pertama: Jenis Repetisi dalam Hadis *Inna Al-A'mal Binniyat...*

Sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى أَمْرٍ أَيْكُحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Daripada penelitian dan analisis yang dijalankan terhadap hadis *innama al-A'mal binniyat..* ini, terdapat 3 jenis repetisi iaitu repetisi perkataan, repetisi frasa dan repetisi makna.

#### 1. Repetisi Perkataan

Menurut Umaimah Badruddin (2010), ada pelbagai faktor pengulangan perkataan berlaku dalam teks hadis contohnya pengulangan satu partikel semata-mata tanpa bergantung kepada perkataan yang lain mempunyai makna dari aspek moral dan ritma. Ia juga mungkin menceritakan keadaan tentang diri penutur.

Walau bagaimanapun repetisi perkataan dalam hadis *innama al-A'mal binniyat..* ini adalah repetisi perkataan yang memberi makna leksikal kerana maknanya yang sempurna bergantung kepada gabungan perkataan-perkataan sehingga menjadi frasa yang lengkap contohnya pengulangan partikel (إِلَى) memberi makna leksikalnya iaitu ke/kepada yang mana ianya bergantung kepada pengulangan perkataan (هِجْرَتُهُ).

Repetisi perkataan dalam hadis ini juga dikategorikan sebagai repetisi yang sempurna kerana pengulangan satu perkataan diulang dengan menambahkan perkataan lain sehingga menjadi sebuah frasa lengkap (Nurul Azizah Putri et al, 2019) iaitu pengulangan perkataan (نَوَى) (dengan) (نَبَات) (النِّيَات) berasal dari kata kerja yang memberi makna leksikal yang sama.

#### 2. Repetisi Frasa

Repetisi frasa adalah salah satu ciri gaya bahasa pengucapan Rasulullah SAW. Ianya digunakan oleh baginda mengikut situasi dan tujuan yang tertentu (Umaimah Badruddin 2010).

Repetisi frasa yang diulang dalam hadis ini merupakan repetisi frasa lengkap dan tidak lengkap. Repetisi frasa lengkap ialah ayat (فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ). Frasa (هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ) adalah frasa lengkap yang memberi makna ayat yang sempurna dan difahami.

Repetisi tidak lengkap pula ialah frasa (فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ ..... ) yang mana frasa ini tidak memberi makna yang sempurna dan memerlukan frasa selepasnya untuk difahami makna yang dikehendaki.

### 3. Repetisi Makna

Terdapat dua repetisi makna dalam hadis ini iaitu makna *al-Qasr* dan makna *al-Syart* iaitu:

- Makna *al-Qasr* dalam frasa:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نَوَى..

*Al-Qasr* dari istilah *balaghahnya* ialah mengkhususkan sesuatu pada sesuatu yang lain dengan cara yang tertentu dengan menggunakan tataqasru yang tertentu (Zamri Ariffin et al 2014). *Tataqasru* yang digunakan dalam frasa hadis ini ialah tataqasru gaya (إِنَّمَا). *Innama* (إِنَّمَا) terbentuk dari dua partikel iaitu (إِنْ) yang membawa makna penegasan dan (مَا) yang bermaksud penafian, dan apabila digabungkan ia bermaksud untuk menegaskan apa yang dinyatakan serta menafikan selain daripada pernyataan tersebut (Haitham Zeinhom Morsi, 2011).

Kedua-dua frasa gaya (إِنَّمَا) dalam hadis ini mengkhususkan kepada (المبتدأ) (الخبر) iaitu mengkhususkan manusia terhadap apa yang diniatkannya.

- Makna *al-Syart* dalam frasa:

فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يُنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Frasa *al-Syart* ialah frasa yang mengandungi partikel *al-Syart*, berfungsi sebagai pengikat antara dua frasa dan menjadikannya satu frasa yang difahami maknanya. Frasa yang pertama dinamakan *al-Syart* dan frasa yang kedua digelar *Jawab al-Syart*. Frasa *al-Syart* dalam hadis ini dapat dijelaskan dengan jadual berikut:

Jadual 1: Frasa al-Syart dan Jawab a-Syarat

Frasa al-Syart	Al-Syart	Jawab al-Syarat
فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ،	فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ،	فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ،
فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يُنْكِحُهَا امْرَأَةٌ يُنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ	فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يُنْكِحُهَا	فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Dalam frasa *al-Syart* yang pertama didapati bahawa jawab *al-Syart* mengulangi frasa yang sama pada frasa yang sebelumnya. Dalam kaedah *al-Syart*, syarat dan *jawab al-Syart* mestilah berbeza, namun berbeza dengan frasa *al-Syart* ini. Justeru, dapat disimpulkan bahawa frasa (فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ) adalah kesinambungan daripada ayat sebelumnya yang menyatakan perihal niat. Oleh itu, frasa ini sebenarnya mempunyai elemen penegasan tentang syarat hijrah iaitu niat dan frasa (فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ) adalah jawapan atau kesan daripada niatnya untuk berhijrah kerana Allah dan Rasul SAW maka ditegaskan bahawa akan terhasilah sebagaimana yang diniatkan.

Frasa *al-Syart* yang kedua pula menegaskan maksud yang bertentangan dengan niat berhijrah kerana Allah dan Rasul SAW. Apa yang menariknya dalam frasa ini ialah berhijrah untuk mengahwini seseorang wanita dinyatakan secara khusus sedangkan dalam jawab *al-Syart* tidak diulang tentang berhijrah untuk mengahwini seseorang wanita tetapi disebut makna hijrah secara umum. Hal ini menjelaskan adanya *sabab wurud* bagi hadis ini dengan menjadikan contoh berhijrah untuk mengahwini seseorang wanita itu sebagai salah satu niat

berhijrah untuk tujuan duniawi yang tidak bertentangan dengan akidah dan syariat (Azami, 2003).

#### **Kedua: Tujuan Repetisi dalam Hadis *Inna Al-A'mal Binniyat...***

Repetisi dalam hadis bukan semata-mata untuk tujuan perindahan kata semata-mata malah ia mempunyai maksud dan tujuan yang lebih mendalam (Ahmadi, 2011). Antara makna dan tujuan repetisi dalam hadis ini ialah:

##### **1. Repetisi untuk Tujuan Penegasan.**

Hadis *innama al-A'mal binniyat..* secara umumnya menerangkan tentang kepentingan niat dan dapat dilihat bahawa repetisi yang digunakan jelas bertujuan untuk menegaskan tentang kepentingan niat itu dengan cara mengulang makna leksikal niat pada perkataan (النيات) dan (نوى) kemudian disusuli dengan penjelasan kegunaan niat itu untuk tujuan yang baik dengan mengulang frasa *al-Qasr* dan frasa *al-Syart*.

##### **2. Repetisi untuk Menyatakan Keutamaan.**


Susulan daripada penegasan tentang niat, repetisi dalam hadis ini juga menonjolkan keutamaan niat dalam setiap perbuatan dan perkerjaan juga menyatakan objektif niat yang utama mestilah kerana Allah SWT dan Rasul SAW.

##### **3. Repetisi untuk Tujuan Amaran.**

Bentuk amaran tidak nyatakan secara literal dalam hadis ini namun dapat difahami daripada repetisi yang digunakan terdapatnya maksud amaran secara *mafhum mukhalafahnya* (Azami, 2003). Frasa *al-Qasr* menegaskan tentang kepentingan niat terhadap semua perkara yang hendak dilakukan. Sebaliknya difahami bahawa adanya amaran supaya berhati-hati meletakkan niat pada perkara yang hendak dilakukan kerana pada repetisi frasa *اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَنْوِي* yang mana itu merujuk kepada semua orang. Hal ini dapat difahami bahawa setiap orang mempunyai tujuan yang berbeza-beza maka niat untuk melakukan sesuatu itu perlulah digunakan dengan betul dengan berhati-hati. Amaran ini disokong dengan pengulangan frasa *al-Syart* memberi yang memberi gambaran tentang keberhasilan niat mengikut tujuan untuk mencapai sesuatu yang diniatkan (Muhammad Khairul Jaza', 2019). Sekiranya diniatkan untuk tujuan Allah SWT dan Rasul SAW maka hasilnya sebagaimana yang diniatkan dan begitulah sebaliknya. Justeru, di sini adanya makna amaran terhadap perletakan niat kerana niat yang baik tidak menghalalkan cara yang salah untuk mencapai objektif yang diingini.

##### **4. Repetisi Sebagai Strategi Mengingat Matan Hadis**

Hal ini dapat dijelaskan melalui rajah di bawah:



Rajah 1: Proses Mengingat Matan Hadis *innama al-A'mal binniyat...*

Rajah ini menjelaskan bahawa repetisi dalam hadis ini berfungsi sebagai strategi untuk mengukuhkan ingatan terhadap matan hadis. Kajian Fithriani Gade (2014) mengesahkan bahawa pelaksanaan kaedah pengulangan untuk menghafal al-Quran terbukti sebagai satu amalan secara sistematik dengan cara mengulang dengan teratur dan tertib. Begitu juga dengan repetisi dalam hadis ini yang digunakan sebagai strategi berperingkat dan teratur iaitu dengan cara :

- i- Peringkat pertama: Mengulang maklumat umum iaitu tentang niat yang merupakan topik utama hadis.
  - ii- Peringkat kedua: Mengulang tentang maklumat khusus iaitu tentang keutamaan niat ialah untuk tujuan perkara-perkara kerana Allah SWT dan Rasul SAW.
  - iii- Peringkat ketiga: Mengulang maklumat yang lebih khusus dengan menyebut contoh perbezaan keberhasilan niat berdasarkan niat seseorang.

## KESIMPULAN

Rasulullah SAW sebagai penyampai risalah Allah SWT, sudah semestinya tindak-tanduk baginda dipandu oleh wahyu Allah SWT. Justeru, setiap kosa kata dan frasa dalam hadis bukanlah perkara yang disengajakan kewujudannya tetapi mempunyai makna dan tujuan yang tertentu termasuklah fenomena repetisi yang dibincangkan dalam kajian ini. Kajian ini bukan sahaja telah menyokong kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan repetisi hadis bahkan telah menambahbaikkan fungsi repetisi dalam hadis iaitu repetisi sebagai strategi mengingat matan hadis. Diharapkan supaya kajian tentang repetisi atau fenomena yang seumpamanya dapat dilakukan terhadap semua hadis *al-Arba'in al-Nawawiah*. Disarankan juga agar kajian-kajian berbentuk kuantitatif dapat dilaksanakan terhadap hadis kaedah *al-Arba'un* ini. Aspek-aspek PdP juga mungkin boleh menjadi hasil dapatan yang bermanfaat jika dikaji.

## RUJUKAN

- Ahmadi. (2011). *Konsep Repetisi Dalam Proses Belajar Mengajar (Kajian Linguistik, Tematik dan Kritik Praktis Matan Hadis)*. Jurnal Tarbiyatuna Pendidikan Agama Islam (Studi Pendidikan Bahasa Arab), Vol. 1, No. 1, hlm. 61-80. Indonesia: IAIN Palangka Raya.
- Ahmad Mukhtar Umar, Dawud Abduh, Solah Jawad, Ahmed al-‘Abid, al-Jilani Yahya, dan Nadim. (1989). *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi: Li Natiqin bi al-‘Arabiah wa Mutu’alimiha*. Terbitan sesawang: Maktabah Mishkah al-Islamiah.
- Alief Luthfian Akbar. (2018). *Kajian Syarah Hadis Karya Ibn Daqiqi Al-‘Id*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Negeri Kalijaga.
- Al-Mubarafuri, Muhamamad Abdul Rahman b Abdul Rahim. (2010). *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami’ al-Tirmidhi*. Penyemak: Abdul Rahman bin Mohamad Uthman. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ayeb Rosidi. (2017). *Niat Menurut Hadis dan Implikasinya Terhadap Proses Pembelajaran*. Jurnal Inspirasi, Vol. 1, No. 1, hlm. 39-50.
- Ayub Berdan. (2020). *al-Tikrar al-Lafziy Fi al-Quran al-Karim*. Jurnal Adabiya, Vol. 22, No. 2, hlm. 2-16.
- Asvia Suraida. (2020). *Pengaruh Pembelajaran Hadits Al-Arba’in Terhadap Pembentukan Akhlak Siswa Madrasah*. Al-Wijdan: Journal of Islamic Education Studies, Vol. V, No. 2, hlm. 138-147.
- Al-Tahhan, Mahmud. (2004). *Al-Taysir Mustalah al-Hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li Nasyr wa al-Tauzi’.
- Cucu Nurhayati, (2020). *Tikrar Dalam al-Qur'an (Analisis Pengulangan Ayat Inna Fi Zalika La Ayah Wama Kana Aksaruhum Mukminin Dalam Surah al-Syu'ara)*. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Fithriani Gade. (2014). *Implementasi Metode Takrar Dalam Pembelajaran Menghafal Al-Qur'an*. Jurnal Ilmiah Didakta, Vol. 14, No. 2, hlm. 413-425.
- Haitham Zeinhom Morsi. (2011). *Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam*. Majallah Buhuth Kulliyyah al-Adab, hlm. 591-619. Mesir: Universiti Menoufia.
- Ibn Daqiq al-Eid, Mohamed bin Ali al-Manfaluti. (2008). *Syarh al-Arbain al-Nawawiah fi al-Ahadith al-Sahihah al-Nabawiah*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Khazri Osman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad dan Ahmad Irdha Mokhtar. (2020). *Keindahan Gaya Bahasa Simile Dalam Hadis Ashrat al-Sa’ah*. Jurnal Al-Turath, Vol. 5, No. 1, hlm. 1-10. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Leni Andariati. (2020). *Hadis dan Sejarah Perkembangannya*. Jurnal Ilmu Hadis, Vol. 4, No. 2, hlm. 153-166.
- Mardiana Mat Ishak. (2019). *Anasir al-Qasdiyyah wa al-I’lamiyah fi fahm al-Ahadith al-Nabawiah fi Kitab al-Arbai’in al-Nawawiah: Dirasah Wasfiah wa al-Tahliliah Dilalilah*. Disertasi Kuliyah Ilmu Wahyu dan Warisan. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Islam Malaysia (UIAM).
- M.M. Azami. (2003). *Memahami Ilmu Hadis: Telaah Metodologi Literatur Hadis*. Jakarta: Lentera.
- Mohd Azrin Johari. (2016). *Pengajian Hadis di Masjid dan Surau: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Hadis*. Jurnal Hadhari, Vol. 8, No. 2, hlm. 295-308. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohammad Luthfil Anshori. (2015). *Kajian Tentang Fenomena Pengulangan Dalam al-Qur'an*. Jurnal Studi Qur'an (Al-Itqan), hlm. 59-78.
- Muhammad Khairol Jaza’. (2019). *Al-Simat al-Balaghiah fi Ahadith al-Arba'in al-Nawawiah: Dirasah Tahliliah*. Indonesia: IAIN Tulungagung.

- Nurul Azizah Putri Palupi, Ilfia Rahmi Rasyid dan Nur Hizbulah. (2019). *Repetisi Leksikal pada al-Qur'an Surah al-Kafirun*. Prosiding Seminar Nasional Linguistik dan Sastra (SEMANTIKS 2019).
- Nurul Syahadah Muhammad Riza. (2019). *Dilalat al-Siyaq fi Hadith Innama al-A'mal bi al-Niyat*. Disertasi Kuliyah Ilmu Wahyu dan Warisan. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Islam Malaysia (UIAM).
- Rahimah Embong, Khazri Osman, Nik Murshidah Nik Din, Najihah Abd Wahid dan Nik Muniyati Nik Din. (2018). *Analisis Tekstual Sebagai Method Dalam Memahami Ungkapan Puisi Imam al-Shafie*. Jurnal Islam dan Masyarakat, Vol. 19, hlm. 126-134. Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam.
- Rosni Wazir. (2020). *Penulisan dan Pengumpulan Karya Hadis 40 oleh Ulama Alam Melayu*. Kertas Kerja Seminar., hlm. 1-10.
- Rudi Edwaldo Jasmit. (2015). *Sumbangan Syaikh Yasin al-Fadani dalam Karya Al-Arba'in: Analisis Terhadap Kitab al-Arba'in al-Buldaniah*. Disertasi.. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).
- Silvia Riskha Fabriar. (2020). *Agama, Modernitas dan Mentalis: Implikasi Konsep Qanaah Hamka Terhadap Kesehatan Mental*. MUHARRIK, Jurnal Dakwah dan Sosial, Vol. 3, bil. 2, hlm. 227-243. Indonesia: UIN Walisongo.
- Toni Pransiska.(2018). *Uslub al-Tikrar Fi al-Ahadi al-Nabawiyah (Dirasah Tahliliyah Dilaliyah)*. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, Vol. 10, No. 1, hlm. 1–18
- Umaimah Badruddin. (2020). *Al-Takrar fi Ahadith al-Nabawiah al-Sharif*. Majallah Jami'ah al-Dimasyq., Jil. 6, Bil. 1&2, hlm. 73-113.
- Zamri Ariffin, Hakim Zainal dan Abdul Wahid Salleh. (2014). *Ilmu al-Balaghah*. Selangor: Dar al-Syakir.